



**IKLAN KEKOSONGAN
GERAI / PREMIS / KIOSK**

Tarikh Diiklankan : 1 APRIL 2026

1. Permohonan adalah dipelawa kepada penduduk kelahiran atau menetap di Simpang Renggam dan kawasan sekitarnya yang berminat untuk menyewa dan menjalankan perniagaan di Gerai / Premis / Kiosk milik Majlis Daerah Simpang Renggam.
2. Kekosongan Gerai / Premis / Kiosk milik MDSR yang ditawarkan ialah :

Bil	Kategori Harta Sewa	No. Unit	Kadar Sewa (RM)	Kegunaan Khas
1	Kiosk Jalan Johor, Simpang Renggam	002	40.00	Makanan ringan
2	Kiosk Taman Sri Bayu, Simpang Renggam	6	40.00 (sewa)	Makanan dan minuman
			30.00 (utiliti)	
3	MyKiosk Hutan Bandar Simpang Renggam	14	70.00	Makanan dan minuman
4	MyKiosk Tapak Foodtruck Simpang Renggam	1	70.00	Makanan dan minuman
5	Gerai Kabin Taman Renggam Jaya	1	200.00	Makanan dan minuman
6	Gerai Kabin Taman Renggam Jaya	4	200.00	Makanan dan minuman
7	Gerai Hentian Bukit Keremoyang	4	100.00	Terbuka
8	Gerai Kontena Simpang Renggam	1	400.00	Terbuka
9	Gerai Lama Jalan Station, Renggam	7	100.00	Terbuka
10	Gerai Taman Sri Jaya, Renggam	4	60.00	Terbuka
11	Gerai Mini Stadium, Layang-Layang	2	150.00	Makanan dan minuman
12	Gerai Jalan Lingkaran 2, Taman Sri Lambak	A-1	100.00	Makanan dan minuman
13	Gerai Perhentian Bas & Teksi Taman Sri Lambak	5	60.00	Terbuka

3. Syarat-syarat permohonan gerai/ premis/ kiosk adalah seperti berikut :
- 3.1 Taraf kerakyatan pemohon mestilah **Warganegara Malaysia** yang berumur dari 18 tahun sehingga 60 tahun sahaja. **(Keutamaan akan diberi kepada penduduk sekitar kawasan Majlis Daerah Simpang Renggam);**
 - 3.2 Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Sewa Gerai yang boleh didapati daripada Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MDSR atau dimuat turun dari mana-mana laman sesawang Rasmi milik MDSR;
 - 3.3 Borang permohonan hendaklah diisikan dengan **LENGKAP** dan dikembalikan kepada Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MDSR berserta dokumen-dokumen berikut :
 - i) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport;
 - ii) Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon;
 - iii) Satu (1) salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan / Syarikat (SSM);
 - iv) Salinan sijil kursus perniagaan **(jika ada);**
 - v) Melampirkan lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan **(jika ada);**
 - 3.4 Permohonan hendaklah dibuat berdasarkan **kekosongan** yang ditetapkan di dalam Iklan Kekosongan Gerai / Premis / Kiosk yang diiklankan sahaja. **(terhad kepada satu pemohon untuk satu kekosongan);**
 - 3.5 Pemohon adalah dinasihatkan untuk **melihat keadaan lokasi premis terlebih dahulu** sebelum memohon kekosongan Gerai / Premis / Kiosk yang diiklankan;
 - 3.6 Pemohon hendaklah menjelaskan bayaran proses permohonan penyewaan sebanyak **RM10.00 bagi satu permohonan**. (Segala kos perbelanjaan berkaitan permohonan ini tidak ditanggung oleh pihak MDSR);
4. Tarikh Tutup permohonan :
- 4.1 Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam, **sebelum atau pada 15 APRIL 2026 (12.00 tengahari);**
 - 4.2 Status permohonan yang layak ditemuduga sahaja akan mendapat jemputan temuduga mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“SIMPANG RENGAM CENTRAL JOHOR GATEWAY”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD IZZUL HELMI BIN AHMAD)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Simpang Renggam